

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH  
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN & UKUR**

**SYARIKAT MUTIARA PENAWAR**

**KEUSAHAWANAN  
ETR 300**

**DI SEDIAKAN OLEH :-**

MOHD RIZO B. ABDULLAH	(97146699)
MURSIDIN B. ISMAIL	(98149164)
NOR MOHD AZRIN B. ZAINUDDIN	(97146793)
IDAWATI BT. JAAFAR	(97146642)

**DIPLOMA PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH 05  
(SESSI JUN – OKTOBER 1999)**

## **ISI KANDUNGAN**

### **MUKA SURAT**

#### **Surat Serahan**

#### **Surat Perjanjian Perkongsian**

#### **Penghargaan**

<b>1.0 Pengenalan</b>	<b>11</b>
<b>2.0 Tujuan Rancangan Perniagaan</b>	<b>13</b>
<b>3.0 Latar Belakang Projek Cadangan</b>	<b>14</b>
<b>3.1 Penerangan imej dan logo Organisasi</b>	<b>15</b>
<b>4.0 Latar Belakang Rakan Kongsi</b>	<b>16</b>
<b>5.0 Rancangan Pentadbiran</b>	<b>20</b>
<b>5.1 Pengenalan organisasi</b>	
<b>5.1.1 Lokasi tapak projek</b>	
<b>5.1.2 Pelan lokasi organisasi</b>	
<b>5.1.3 Bentuk bangunan</b>	
<b>5.1.4 Kemudahan infrstruktur</b>	
<b>5.2 Matlamat organisasi</b>	<b>23</b>
<b>5.3 Strategi organisasi perniagaan</b>	<b>23</b>
<b>5.4 Struktur organisasi</b>	<b>24</b>
<b>5.5 Tenaga pekerja</b>	<b>25</b>
<b>5.6 Huraian spesifikasi tugas</b>	<b>26</b>
<b>5.7 Imbuhan balas jasa dan insentif pekerja</b>	<b>32</b>
<b>5.8 Perancangan keperluan dan susunatur pejabat</b>	<b>35</b>
<b>5.9 Perbelanjaan pentadbiran</b>	<b>35</b>



## **SURAT SERAHAN**

Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah,  
Semester 05,Sesi Jun – Oktober 1999,  
Fakulti Senibina,Perancangan dan Ukur,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300),  
Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC),  
Tingkat 14, Menara Ilmu,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

### **PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Merujuk kepada perkara yang disebutkan di atas, sukcitanya kami menyerahkan laporan rancangan perniagaan berkenaan dengan “projek mengeluar dan menjual ubat-ubatan tradisional” yang akan beroperasi di Lot No. 102, Lorong Industri 9/57, Kawasan Perindustrian Taman Merlimau Baru, 77300 Merlimau Melaka.

2. Sebagaimana yang kami sedia maklum, penyerahan laporan rancangan perniagaan ini bukan sahaja dijadikan sebagai syarat untuk lulus di dalam matapelajaran ETR 300 semata-mata malahan juga ia juga berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada kami sekiranya ingin menjalankan sebarang bentuk perniagaan sebaik sahaja tamat tempoh pengajian kelak.





3. Sehubungan dengan itu, kami berharap agar pihak tuan berpuas hati dengan penyerahan ini dan dengan ini kami menyatakan kesanggupan kami untuk memberikan sebarang maklumat tambahan yang diperlukan sekiranya diminta oleh pihak tuan.

Sekian,

Terima Kasih.

**Yang Benar:**

(Mohd Rizo Bin Abdullah)

97146699

(Idawati Binti Jaafar)

97146642

(Mursidin Ismail)

98149164

(Mohd Nor Azrin Bin zainuddin)

97146793



## 1.0 PENGENALAN

Dalam kehidupan seharian manusia,sudah semestinya tidak pernah sunyi dari menghadapi pelbagai masalah dan ujian termasuklah ditimpa pelbagai jenis penyakit. Walaupun penyakit-penyakit ini boleh dilihat secara zahir ataupun sebaliknya, namun sudah menjadi ketentuan bahawa setiap penyakit yang telah diciptakan itu pasti ada penawarnya melainkan dijemput kematian.Maka ramai diantara kita yang sanggup mengeluarkan sejumlah wang yang besar semata-mata untuk mengubati dan merawat yang menjadi masalah kepada mereka.

Biarpun tawaran terhadap kaedah perubatan moden dan saintifik semakin bertambah, namun kaedah perubatan secara tradisional juga turut tidak diketepikan.Ubat-ubatan tradisional sebenarnya sudah lama mendapat sambutan dikalangan masyarakat berbilang etnik di negara ini. Kepercayaan masyarakat kita terhadap kaedah perubatan tradisional tidak pernah luntur ,malahan juga menjadi alternatif utama setelah kaedah perubatan moden yang menggunakan teknologi canggih tidak membawa hasil yang memberansangkan.

Penggunaan ubat-ubatan tradisional kini bukanlah satu fenomena yang asing lagi di negara ini malahan juga ia telah diiktiraf oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia** pada tahun 1997. Ubat-ubatan tradisional ini telah dibenarkan dijual di hospital-hospital kerajaan dan swasta termasuklah farmasi-farmasi yang diiktiraf di negara ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang kaya dengan tumbuh-tumbuhan tropika yang terdiri daripada akar-akar kayu dan rempah ratus.

